Buletin Q
' Integriti Menjana Kecemerlangan & Jati Diri '

Bil 22/2009 Disember 2009

1 Malaysia
Rakyat Didahulukan
Pencapaian Diutamakan

# Konsep Kepimpinan Dalam Islam

**Menurut** perspektif Islam, kepimpinan merupakan sesuatu amanah yang wajib dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, manakala pemimpin pula adalah bertanggungjawab dalam mengurus, mentadbir dan menjaga apa yang diamanahkan kepadanya. Antara yang perlu dijaga oleh seseorang pemimpin ialah menjaga dirinya daripada melakukan perbuatan mungkar dan menunaikan kewajipan syarak dan tugas-tugas yang dipikulkan kepadanya dengan baik dan adil.

## QUDWAH HASANAH

Kepimpinan bukan sahaja dikaitkan dengan tanggungjawab kepimpinan dalam bentuk kelompok, bahkan kepada diri sendiri seperti mengawal pancaindera supaya sentiasa penuh mentaati Allah, menjauhi larangan-Nya, baik dalam bentuk perkataan, perbuatan mahupun dari sudut aqidah dan keyakinan sehingga mengakibatkan penyelewengan. Matlamatnya pula adalah untuk mempertingkatkan kualiti diri bagi melahirkan kepimpinan melalui teladan atau menjadi 'qudwah hasanah' yang seterusnya akan menghasilkan tokoh-tokoh pemimpin yang menjadi ikutan ramai dan pimpinan kepada orang lain serta masyarakat dari kelompok yang sedikit kepada yang lebih besar.

## KESEIMBANGAN BERSEPADU

Kepimpinan dalam Islam adalah bersifat sepadu yang menitikberatkan keseimbangan di antara kepentingan roh dan jasad, antara perkembangan pembangunan spiritual dengan perkembangan material demi menjamin kesejahteraan hidup manusia di dunai dan di akhirat. Untuk mencapai matlamat kepimpinan yang bersepadu tersebut, pemimpin mestilah dipilih daripada, kalangan orang-orang yang paling berwibawa dan berkelayakan kerana penyerahan kuasa kepada orang yang tidak berkelayakan dan sesuai adalah mengkhianati Allah dan Rasul-Nya.

## AMANAH

Justeru itu pemimpin mestilah berusaha mempertingkatkan kualiti diri dan kualiti kepimpinannya ke tahap yang lebih cemerlang. Kepimpinan dalam Islam bukanlah alat untuk memperoleh kekayaan, pangkat dan kesenangan hidup di dunia semata-mata, malah ianya merupakan amanah yang wajib ditunaikan demi kesejahteraan umat manusia seluruhnya. Kelalaian dan kegagalan pemimpin dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah tersebut sama ada pemimpin yang memimpin dalam keluarga dan rumah tangga, masyarakat atau negara akan mengakibatkan penyesalan dan kerugian di hari akhirat kelak.

## FUNGSI KEPIMPINAN

Kepimpinan adalah suatu fungsi yang penting dalam Islam. Seorang individu menjadi pemimpin kepada dirinya sendiri, suami isteri mempunyai tugas kepimpinan mereka di dalam rumah tangga dan keluarga, imam memimpin jemaah solatnya sebagai para makmum, ketua masyarakat dan ketua negara memimpin rakyat serta seluruh warganya. Ini menunjukkan fungsi kepimpinan wujud di semua peringkat mengikut tahap-tahap dan tugas-tugas

## TANGGUNGJAWAB

Tegasnya, tugas kepimpinan yang telah digariskan dalam Islam ialah mendaulatkan kalimah Allah di pelbagai tahap dan peringkat tanggungjawab masing-masing. Umpamanya seorang lelaki yang telah berkeluarga mempunyai tanggungjawab yang lebih banyak berbanding mereka yang belum ada tanggungan, kerana ianya harus menunaikan tanggungjawab kepada dirinya dan keluarganya. Begitu juga seorang suami yang diberi amanah yang lain sebagai pemimpin masyarakat akan lebih berat tanggungjawab terhadap keluarga dan negara.

## KONSEP KEPIMPINAN

Oleh itu, konsep kepimpinan yang berjaya menuntut supaya Islam yang merangkumi konsep iman dan amal salih dapat ditegakkan dalam diri setiap individu, keluarga dalam organisasinya, masyarakat dan negara sehingga kesepaduan antara kepentingan dunia dan akhirat dapat dicapai.

> **"If you want a quality, act as if you already had it."**

## CIRI-CIRI KEPIMPINAN TAULADAN

Antara ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh setiap pemimpin yang baik adalah menurut petunjuk yang terkandung dalam Al-Qur'an dan contoh kepimpinan yang diamalkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, kerana Baginda adalah contoh teladan yang unggul dalam segala bidang kehidupan.

Firman Allah Subahanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anbiyaa' ayat 107 yang tafsirnya:

***"Dan tidaklah Kami (Allah) mengutus engkau (Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi seluruh alam semesta."***

Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukan saja pemimpin agama yang memurnikan keyakinan dan aqidah umat manusia dari kegelapan kepada cahaya kebenaran. Baginda juga adalah pemimpin yang berjaya menyusun suatu pemerintahan yang terunggul meliputi segala bidang kehidupan manusia, politik, pentadbiran, ketahanan negara, ekonomi, pendidikan, kehidupan sosio budaya masyarakat seluruhnya yang harmoni. Baginda seorang penggubal undang-undang, Pembina akhlak dan nilai moral yang tinggi.

## KESIMPULAN

Kita sebagai umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diberi amanah tanggungjawab oleh Allah sebagai khalifah untuk memakmurkan alam ini daripada segala kemungkaran dan kefasiqkan dengan tugas kepimpinan yang tertentu mengikut tahap dan peringkat yang berbeza-beza, iaitu sebagai individu, ahli keluarga, pemimpin masyarakat, pemimpin bangsa dan pemimpin negara adalah bertanggungjawab bagi meneruskan risalah dan perjuangan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, demi kebaikan dan kesejahteraan seluruh umat manusia.

Buletin Q
' Integriti Menjana Kecemerlangan & Jati Diri '
Bil 23/2009 December 2009

1Malaysia
Rakyat Didahulukan
Pencapaian Diutamakan

# *Why appearance and body language is crucial for your success in professional life*

*Article by - William King*

**Body** language and appearance falls under the non-verbal communication category. The power of body language is often under estimated. The fact is that no matter how wisely you choose your words, if your appearance or body language is not supporting the message you are trying to convey, its not going to work. Body language is much more than making eye contact, firm handshake or continuously smiling (smiling is good but having a smile on your face all the time can make you look quite sheepish).

Following are some points that you must remember and apply in your ***business meetings*** and communications. Getting the aid of appearance: When we talk of appearance, it includes both.

*i)* ***Your appearance in oral communication***

***ii) The appearance of your message in written communication***

Good brains are undoubtedly more important, but good looks do not go in vain either. In fact, they become essential if meeting ***with clients or making sales*** is included in your job description. Spend some of your earnings on buying good professional dresses, shoes, jewelry or perfume. As far as written communication is concerned, use good quality papers, envelopes, and most importantly a neat organized message. Typos or grammatical mistakes will also ruin the appearance of your message.

## Body Language

Your body posture, gestures, expressions, hand movements or your voice tone, each of them contributes in making your communication effective or ineffective. The sooner you realize it, the better your chances to improve. Imagine yourself in different professional scenarios and visualize your body language. Were you too aggressive or dominant when communicating with your subordinates? Did you have that closed body posture during the last ***business meeting*** you had? Do you think your interviewee noticed that you were nervous, even when all of your answers were reasonably good? Body language can convey some pretty useful messages even before you have uttered a single word.

## Improving your body language

Improving your body language needs practice and a lot of that. Its not easy to change your gestures, movements or posture that you have been carrying since your childhood, but its not impossible at all. Start from your facial expressions and voice. Make eye contacts when necessary; try not to reveal the negative emotions during business meetings from your face e.g. boredom, anger or tiredness. Record your voice and then listen to it.

This practice will give you an idea on how understandable your oral communication is. Avoid making gestures as much as you can, especially if you are meeting some foreigners. Dont make unnecessary movements while talking; it will only distract your audience. You can even control your nervousness by just acting more confident. Ask your friends or family members to comment on your body language and if they are kind enough to point out some shortcomings, try to improve on them.

**“Quality means doing it right when no one is looking.”**